

**MEMIKIR ULANG PERSOALAN POLITIK PEMBANGUNAN  
DALAM PRU-14: KAJIAN KES P. 169 KOTA BELUD  
RETHINKING THE ISSUE OF POLITICAL DEVELOPMENT IN  
GE-14: CASE STUDY IN P. 169 KOTA BELUD**

MOHAMAD HAZIQ IKHSAN MOHD RUDZAINOOR<sup>1</sup>, ZAINI OTHMAN<sup>2</sup>  
EKO PRAYITNO JOKO<sup>3</sup>, JASMI MOHD NASIER<sup>4</sup>

Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.  
*ekoprayitnojoko@gmail.com*

**ABSTRAK** Makalah ini memberi tumpuan kepada usaha memikir ulang kepentingan politik pembangunan di kawasan P.169 Kota Belud menjelang tibanya Pilihan Raya Umum ke-14 kelak. Tema politik pembangunan dipilih kerana ia merupakan aspek penting dalam kemajuan sosioekonomi sesebuah kawasan khususnya bagi kawasan Kota Belud yang masih memerlukan pembangunan fizikal. Wujud tafsiran yang beragam dalam kalangan saintis sosial tentang definisi politik pembangunan namun kesatuan makna yang tidak mutlak berhubung tafsiran politik pembangunan, ialah suatu jenis perubahan yang berlangsung melalui para individu dan kelompok dalam sesebuah masyarakat menerusi suatu gerak kuasa untuk mencetuskan pembaikan dari segi kuantitatif dan kualitatif mengikut keadaan tertentu bagi kehidupan sosial. Keadaan sosial menjadi pemangkin kepada pembangunan untuk berlaku mengikut tahap literasi yang semakin celik dari masa ke masa. Jika diimbangi dari segi geografi negeri Sabah, masih terdapat kawasan bandar kecil mahupun pedalaman yang memerlukan usaha pembangunan yang lebih jitu dari pihak pemerintah. Dalam Pilihan Raya Umum ke-13, Barisan Nasional (BN) telah dinafikan majoriti 2/3 di Parlimen seperti PRU-12, namun diselamatkan oleh negeri Sabah selaku sebuah negeri di Malaysia Timur yang sering menjadi benteng kepada mereka untuk mempertahankan diri bagi kekal menerajui tampuk pemerintahan di Malaysia dengan sumbangan 22 kerusi daripada 25 kerusi yang ada. Sebanyak 1,000 borang soal selidik diedarkan di tiga Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu N.06 Tempasuk, N.07 Kadamaian dan N.08 Usukan, diikuti sesi *Focus Group Discussion* (FGD) dengan penduduk tempatan yang mempunyai kearifan tentang senario politik di Kota Belud. Dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa sebelum parlimen dibubarkan pada 7 April 2018, isu pembangunan menjadi penanda aras utama kepada pengundi untuk membuang undi terhadap calon yang bakal

mewakili mereka pada Pilihan Raya Umum ke-14 kelak, selain daripada isu peningkatan kos sara hidup serta isu nasional yang lain. Makalah ini akan mengupas perihal kepuasan pengundi berkaitan politik pembangunan yang telah dijalankan menjelang PRU-14 kelak.

**Kata kunci:** Pembangunan, PRU-14, calon, Kota Belud, Sabah.

**ABSTRACT** *This paper focuses on the effort of rethinking the importance of politics of development in the P.169 Kota Belud area, in anticipation of the upcoming GE-14. The theme of politics of development was chosen because of its importance in the socioeconomic development of an area like Kota Belud which is struggling in its physical development. There exists a diverse interpretation among Social Scientists on the definition of politics of development. A non-absolute interpretation of politics of development is a type of change that was effected by individuals and groups in a society through a certain force to trigger improvements in social life both quantitatively and qualitatively. It is social conditions that is a catalyst to development, dependent on an increasing level of literacy. Geographically scanning the state of Sabah it is apparent that there are still areas, both urban and rural, that require more solid development efforts from the ruler. Barisan Nasional (BN) was denied the two-thirds majority in Parliament at the GE-13, unlike during GE-12. Yet it was rescued by the Sabah State who secured 22 of the 25 seats available, and further proved its role as a key contributor to BN in defending their position as the ruling coalition party of Malaysia. A total of 1,000 questionnaires were distributed in the three State Legislative Assembly namely N.06 Tempasuk, N.07 Kadamaian and N.08 Usukan followed by Focus Group Discussions (FGD) with locals who have wisdom about the Kota Belud political scenario. The findings of the study show that prior to the dissolution of parliament on 7 April 2018, the issue of development was the main parameter for voters in anticipation of GE-14, alongside the issues of increasing costs of living and other national issues. This paper will discuss voter satisfaction with regards to the politics of development that has been carried out, in anticipation of GE-14.*

**Keywords:** Development, GE-14, candidates, Kota Belud, Sabah.

## **PENGENALAN**


Umumnya, Malaysia telah melalui pengalaman sebanyak 13 kali pilihan raya yang menyaksikan wujud dinamika tersendiri bagi setiap pengalaman terbabit kerana tidak hanya berkisar persoalan menang atau kalah, tetapi juga merangkumi perihal kemandirian pengundi. Dalam konteks negara membangun seperti Malaysia, persoalan kesejahteraan sosial sering diutarakan kerana kebergantungan masyarakat terhadap pemerintah adalah tinggi. Perkara ini diperkukuhkan lagi apabila persoalan pembangunan antara negeri di Malaysia adalah tidak seimbang khususnya yang berlaku di Malaysia Timur sehingga menyebabkan Sabah dinyatakan sebagai negeri kedua termiskin di Malaysia. Keadaan ini yang akhirnya menyebabkan kebergantungan Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat adalah tinggi sehinggakan mempengaruhi keberadaan masyarakatnya itu sendiri. Hakikat ini dapat diperhatikan apabila sejak tahun 1960-an, persoalan pembangunan telah dijadikan wadah utama dalam merealisasikan pembentukan Malaysia. Begitu pula, persoalan sama turut diketengahkan setiap kali pilihan raya berlangsung di Sabah, bermula dari era parti politik lokal sehingga kemunculan *United Malay National Organisation* (UMNO). Persoalan ini juga akhirnya mempengaruhi perkembangan politik Sabah pasca Reformasi di Malaysia apabila spektrum politiknya menunjukkan keadaan yang berbeza. Dalam hal ini, ‘tsunami politik’ di Semenanjung Malaysia sejak PRU-12 tidak memberikan implikasi terhadap pencapaian Parti Barisan Nasional (BN) di Sabah yang terus berlanjutan sehingga PRU-13, lalu meletakkan negeri terbabit sebagai *fixed deposit* kepada BN untuk kekal memegang tampuk pemerintahan Kerajaan Malaysia.

Oleh itu, menjelang PRU-14 yang bakal diadakan kelak menyaksikan parti lokal yang bertindak sebagai pembangkang di Sabah kekal menggunakan perihal ‘Agenda Borneo’ sebagai modal bagi meraih sokongan pengundi. Dalam hal ini, persoalan pembangunan kembali disuarakan dengan meletakkan perihal kemunduran Sabah adalah disebabkan kegagalan BN menunaikan tanggungjawabnya kepada negeri terbabit. Justeru, ditimbulkan dakyah kepada masyarakat Sabah bahawa pembangunan yang diimpikan hanya akan berlaku sekiranya tampuk politik di negeri ini dikembalikan kepada parti lokal. Semangat ini dikemukakan dengan kefahaman sebagai suatu ‘jiwa’, suatu ‘idea’ dan sikap ‘rohani’ daripada masyarakat yang

diikat oleh persamaan nasib, persamaan sejarah dan persamaan cita-cita yang selama ini tersisih dalam negara sendiri. Matlamat ini yang terkandung dalam ‘Agenda Borneo’ dengan harapan dapat memberi manfaat pembangunan bukan sahaja kepada negeri tetapi juga ‘anak semua bangsa’ di dalamnya. Bersandarkan kepada hujah tersebut, maka penulisan ini bertujuan membincangkan bagaimana idea politik pembangunan masih relaven dalam menentukan pilihan pengundi di Parlimen P.169 Kota Belud ketika Pilihan Raya Umum ke-14 kian menghampiri. Segala perbincangan yang dinyatakan hanya tertakluk sehingga 7 April 2018 lantaran tarikh Pilihan Raya Umum ke-14 dilakukan pada 9 April 2018.

### DEMOGRAFI PARLIMEN P. 169 KOTA BELUD

Kedudukan kawasan parlimen ini terletak dalam daerah Kota Belud di pantai barat utara negeri Sabah menerusi unjuran kaki Gunung Kinabalu mengarah ke utara serta lembahnya dibatasi Laut Cina Selatan. Keluasan daerah ini dianggarkan sekitar 1,385.6 kilometer persegi yang terdiri dari 168 buah kampung tidak termasuk Pekan Nabalu (baru kini dimasukkan dalam kawasan perkadaran Majlis Daerah Kota Belud). Antara sempadan yang berhampiran dengan daerah ini ialah Tuaran, Kota Marudu dan Ranau serta sering menjadi persinggahan golongan masyarakat untuk ke daerah lain di pantai barat utara seperti Kota Marudu, Pitas, Matunggong, Banggi dan Kudat (sabah.gov.my).




**Rajah 1** Kedudukan Parlimen Kota Belud dalam peta negeri Sabah  
 Sumber Dipetik dan diubah suai oleh Mohd Aiman (2017)

**Jadual I** Penduduk mengikut daerah pentadbiran dan kumpulan etnik, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan (2010)

Warganegara Malaysia												
Daerah Pentadbiran	Jumlah	Jumlah Warganegara Malaysia	Jumlah Bumiputera	Melayu	Kadazan/Dusun	Bajau	Murut	Bumiputera Lain	Cina	India	Lain-lain	Bukan Warganegara Malaysia
Kota Belud	93,180	87,210	85,508	1,408	38,708	32,338	176	12,878	1,207	75	420	5,970

Sumber Perangkaan Sabah (2014)

Berlandaskan maklumat perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah pada tahun 2014, jumlah keseluruhan bagi penduduk di Kota Belud dianggarkan sekitar 93,180 orang. Daripada jumlah tersebut, 87,210 merupakan warganegara, manakala 5,970 orang adalah bukan warganegara. Bagi jumlah Bumiputera pula dianggarkan sekitar 85,508 orang dengan masyarakat Melayu sekitar 1,408 orang, diikuti Kadazandusun sekitar 38,708, Bajau sekitar 32,338, Murut sekitar 176 dan Bumiputera lain sekitar 12,878 orang. Bagi masyarakat Cina pula populasi mereka dianggarkan sekitar 1,207, diikuti India seramai 75 orang dan selebihnya ialah lain-lain yang dianggarkan 420 orang (*Buku Tahunan Perangkaan Sabah*, 2014:19). Jika diimbab dari segi peratusan pula memperlihatkan masyarakat Kadazan/Dusun dianggarkan sekitar 41.54 peratus, diikuti Bajau 34.70 peratus, Iranun 9.17 peratus, Melayu 1.5 peratus, Bumiputera lain 4.6 peratus, Murut 0.19 peratus, Cina 1.29 peratus, India 0.08 peratus dan selebihnya bukan warganegara sekitar 6.41 peratus (MCMC, 2018).



**Rajah 2** Peratusan pengundi Kota Belud, 2018.  
*Sumber MCMC (2018)*

Tinjauan daripada spektrum ekonomi yang diceburi oleh masyarakat di Kota Belud mendapati kebanyakan masyarakatnya terlibat dalam sektor ekonomi berasaskan pertanian. Pertanian sawah padi merupakan kegiatan ekonomi utama bagi penduduk dalam daerah ini. Gerak kerja yang telah dilangsungkan oleh Pejabat Pertanian Kota Belud mendapati bahawasanya setiap satu ekar sawah padi boleh mengeluarkan hasil tuaian sekitar RM 1,500.00 meskipun agensi berasaskan pertanian di Kota Belud termasuklah

Pejabat PELADANG masih kekurangan prasarana khususnya sistem tali air yang cukup untuk menampung lebih banyak kampung yang mengusahakan tanaman lebih daripada sekali setahun. Sehingga kini kampung yang telah mempunyai tali air yang lengkap adalah Kampung Jawi-Jawi, Taun Gusi, Tempasuk, Dayang, Sembirai, manakala kampung yang masih belum mempunyai sistem tali air yang efisien ialah Tamau, Tawadakan, Kota Bongan, Pantai Emas, Rampaian Ulu, Timbang, Pandasan, Keguran, Sarang, Dudar dan Taburan.

Metodologi kajian merupakan inti pati utama terhadap sesebuah kajian yang dijalankan dengan tujuan mengukuhkan dapatan bagi kajian ini. Justeru, data kajian diperoleh daripada sumber primer dan sekunder. Maklumat bagi data primer dicerakin menerusi edaran borang soal selidik terhadap 1,000 orang responden di kawasan P.169 Kota Belud yang dalamnya mengandungi tiga Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu N.06 Tempasuk, N.07 Kadamaian dan N.08 Usukan. Untuk mendapat maklumat tambahan, sesi *Focus Group Discussion* (FGD) juga turut dijalankan dengan beberapa individu yang menetap serta mempunyai kearifan tentang literasi pengundi dalam parlimen ini. Data sekunder pula dicerna menerusi rujukan terhadap laporan rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), tesis, buku dan jurnal yang berkaitan dengan politik Sabah mahupun keratan akhbar. Tempoh masa kajian ini berakhir pada sehingga 7 April 2018.

**Jadual 2** Jantina responden

JANTINA	JUMLAH
Lelaki	605
Perempuan	395

N=1000

Sumber Kajian lapangan (2017–2018)

Jika ditinjau mengikut kategori jantina, seramai 605 orang responden adalah lelaki manakala 395 orang responden merupakan perempuan. Bagi peringkat umur pula, responden berusia 21–30 tahun seramai 282 orang, diikuti 31–40 orang seramai 255 orang, responden berusia 41–50 tahun adalah seramai 202 orang, 51–60 tahun seramai 171 orang, 61–70 tahun 81 orang dan yang terakhir 71 tahun ke atas seramai sembilan orang.

**Jadual 3** Umur responden

UMUR	JUMLAH
21–30 TAHUN	282
31–40 TAHUN	255
41–50 TAHUN	202
51–60 TAHUN	171
61–70 TAHUN	81
71 TAHUN KE ATAS	9

N=1000

Sumber Kajian lapangan (2017–2018)

Dari segi komposisi etnik pula, responden etnik Bajau seramai 285 orang, diikuti Dusun 514 orang, Iranun 195 orang dan Kadazan seramai enam orang.

**Jadual 4** Etnisiti responden

ETNIK	JUMLAH
BAJAU	285
DUSUN	514
IRANUN	195
KADAZAN	6

N=1000

Sumber Kajian lapangan (2017–2018)

Responden yang ditemui adalah dalam kalangan penganut agama Islam iaitu seramai 488 orang, manakala penganut agama Kristian pula seramai 512 orang.

**Jadual 5** Agama responden

AGAMA	JUMLAH
Islam	488
Kristian	512

N=1000

Sumber Kajian lapangan (2017–2018)

Jika ditinjau dari segi pendapatan isi rumah sebulan, seramai 772 orang responden berpendapatan dibawah RM 1,500 sebulan. Seramai 163 orang responden berpendapatan sekitar RM 1,501–RM 2,500 sebulan, selanjutnya 33 orang responden berpendapatan RM 2,501–RM 3,500, diikuti 26 orang



responden berpendapatan RM 3501–RM 4,500, empat orang responden berpendapatan sekitar RM 4,501–RM 5500 dan dua orang responden berpendapatan sekitar atas RM 5,501 sebulan.

**Jadual 6** Pendapatan isi rumah responden

PENDAPATAN	JUMLAH
Bawah RM 1,500	772
RM 1,501–RM 2,500	163
RM 2,501–RM 3,500	33
RM 3,501–RM 4,500	26
RM 4,501–RM 5,500	4
Atas RM 5,501	2

N=1000

Sumber Kajian lapangan (2017–2018)

Dari segi tahap pendidikan pula, kebanyakan responden yang berpendidikan sehingga sekolah menengah seramai 754 orang responden, diikuti sekolah rendah seramai 112 orang responden. Seramai 71 orang responden tidak menerima pendidikan secara formal dan selebihnya, iaitu 63 orang responden berupaya melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi.

**Jadual 7** Tahap pendidikan responden

PENDIDIKAN	JUMLAH
Kolej/Universiti	63
Sekolah Menengah	754
Sekolah Rendah	112
Tidak Bersekolah	71

N=1000

Sumber Kajian lapangan (2017–2018)

Berlandaskan sampel yang dipaparkan, maka penulisan ini berusaha mencungkil bagaimana aspek politik pembangunan masih relevan dalam menentukan pilihan pengundi di Parlimen P.169 Kota Belud menjelang PRU-14 yang bakal menjelang kelak.

## **POLITIK PEMBANGUNAN DALAM KONTEKS SABAH**

Bahagian ini merupakan kajian lepas yang membincangkan perihal kepentingan politik pembangunan serta impaknya dalam pembangunan sesebuah masyarakat di sesuatu kawasan khususnya di negeri Sabah. Umumnya, pembangunan adalah suatu konsep yang luas dan komprehensif, terdapat pelbagai pengertian diberikan oleh para sarjana untuk membentuk suatu konsep yang sesuai berkenaan pembangunan, misalnya Meier (Meier & Stiglitz, 2001: 15) mendefinisikan pembangunan adalah suatu proses yang mana pendapatan per kapita sesebuah negara naik dalam sesuatu jangka masa. Hal ini turut disokong oleh Hagen yang melihat bahawasanya pembangunan merupakan perihal penambahan dalam pengeluaran dan produktiviti sesebuah negara. Meskipun pendapat yang dikemukakan lebih berfokus kepada negara, timbul juga pandangan yang menyatakan bahawa pertambahan dalam pendapatan tidak semestinya untuk meninggikan ekonomi semata-mata, sebaliknya perlu juga meningkatkan taraf hidup masyarakatnya. Justeru, pembangunan mesti mengambil kira tiga ciri penting, iaitu mengurangkan kemiskinan, pengangguran dan membasmi ketidaksamarataan antara rakyat. Pembangunan juga turut melibatkan proses menyusun dan mengorientasikan semula sistem ekonomi dan sosial dengan erti kata lainnya, pembangunan bukan sahaja melibatkan pertambahan kepada pendapatan dan pengeluaran semata-mata, malah turut meliputi perubahan institusi sosial, struktur pentadbiran, pendapat umum, adat resam dan kepercayaan (Dipetik daripada Chaudhry, 1971: 166). Jika ditinjau persoalan pembangunan mengikut perspektif Islam, tujuan utama pembangunan dijalankan adalah untuk kesejahteraan manusia, justeru proses pembangunan mestilah bermula dengan moral, spiritual, fizikal dan perkembangan mental manusia yang akan menjadi agen kepada fizikalnya sendiri dan persekitaran sosioekonomi. Mengikut ajaran Islam, proses pembangunan bersifat multidimensi, yakni ruang operasi pembangunan adalah berhubung dengan manusia, sifat semula jadinya, insentif dan keinginan, pemboleh ubah polisi seperti sumber fizikal, modal, kemahiran dan juga pendidikan. Justeru, Islam tidak semata-mata berfokus kepada pembangunan berbentuk fizikal, namun turut merangkumi pembangunan manusia (Rohana, 2010: 276–277).

Pendapat yang dikemukakan oleh Corning *et al.* pula menyatakan bahawa politik pembangunan merupakan terma yang diguna pakai oleh para pengkaji untuk melihat keupayaan dan keberkesanan masyarakat di sesuatu kawasan memperoleh kehendak mereka. Mengukur kemajuan pembangunan yang dicapai oleh sesuatu kawasan kajian memerlukan bantuan daripada pelbagai bidang lain misalnya sains pengurusan, pentadbiran awam, ekonomi dan sains politik agar saling bergandingan antara satu sama lain bagi menghasilkan suatu polisi yang membantu masyarakat di kawasan kajian. Tiada suatu teori khusus yang dapat menggambarkan berkenaan politik pembangunan lantaran daripada keperluan masyarakat di sesuatu kawasan adalah berbeza, bahkan masyarakat yang menuju ke arah industri dengan masyarakat yang berjuang untuk mempertahankan keadaan sedia ada daripada digugat adalah berbeza. Untuk melihat pembangunan yang berlaku, hubungan kait sejarah mesti ditelusuri kerana berlandaskan perubahan yang dicatatkan oleh sejarah dapat membantu pengkaji memahami pembangunan yang berlaku di kawasan kajian seterusnya merangka keperluan penduduk bagi jangka masa panjang (Corning *et al.*, 1988: 146).

Usaha merealisasikan pembangunan pula sememangnya menjadi agenda utama oleh sesebuah kerajaan yang telah diberi mandat oleh rakyatnya agar kesejahteraan sosial serta kemajuan sosioekonomi di sesuatu kawasan khususnya yang masih belum dibangunkan seperti bahagian pedalaman dapat dipenuhi. Usaha pembangunan yang dijalankan tidak hanya berupa pembangunan fizikal semata-mata malah turut meliputi pembangunan modal insan yang berupaya meningkatkan pendapatan rakyat, menambah peluang pekerjaan serta perniagaan, menaik taraf ekonomi pelbagai lapisan masyarakat, meningkatkan taraf pendidikan serta pemikiran dan pelbagai faedah lain yang membawa kemakmuran kepada sesebuah negara (Junaidi *et al.*, 2012: 92). Jika ditinjau dalam konteks politik di Sabah, isu pembangunan merupakan fokus utama yang sering dilaungkan oleh pihak yang ingin berkuasa untuk dijadikan umpan agar dapat memancing undi khususnya dalam usaha memenangi pilihan raya umum di negeri tersebut. Selari dengan prinsip sistem demokrasi, masyarakat yang akan menjalankan proses mengundi juga pastinya mahukan penglibatan mereka dalam politik berupaya membawa perubahan yang besar terhadap masa depan mereka dan salah satu manfaat tersebut ialah polisi kerajaan yang memerintah terhadap pembangunan di kawasan mereka (Zaini *et al.*, 2007: 162).

Dari sudut pandang yang lain memperlihatkan bahawasanya isu berkenaan politik pembangunan di Sabah merupakan isu yang berulang sejak pilihan raya umum tahun 1976 lagi. Pada masa tersebut, literasi pengundi bergantung kepada pembangunan yang dilaksanakan oleh calon yang mahu menghuni kerusi yang diidamkannya. Selain itu, usaha pembangunan merupakan modal politik yang sering

diaplikasikan dalam tempoh 1975–1982 menerusi penglibatan Kerajaan Persekutuan (BN) dalam politik dan pemerintahan di Sabah. Setelah kehadiran UMNO yang merupakan komponen BN pada tahun 1987 di Sabah, isu pembangunan kian disemarakkan serta menjadi tema utama dalam setiap pilihan raya. Hatta, selepas 20 tahun tema pembangunan kekal diguna pakai oleh BN sebagai senjata paling ampuh untuk mendapatkan sokongan pengundi di Sabah untuk bertahan daripada ‘tsunami politik’ yang melanda pada PRU 2008 (Junaidi *et al.*, 2012: 27).

Meski yang demikian, pendapat berkenaan BN sering menggunakan modal pembangunan untuk meraih undi berupaya untuk didobrak lantaran sebelum tahun 1975 lagi, idea politik pembangunan sering diwar-warkan kepada masyarakat di Sabah khususnya ketika persaingan sengit antara Parti *United Sabah National Organization* (USNO) yang merupakan kerajaan pada masa tersebut di bawah pimpinan Tun Mustafa bin Datu Harun menentang Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA) selaku pembangkang berwibawa dibawah pimpinan Datuk Harris Salleh. Menjelang tengah malam 15 April 1976, Parti BERJAYA telah berupaya mencapai matlamat politiknya untuk menewaskan USNO yang mendapat sokongan kuat majoriti masyarakat Muslim dalam kalangan etnik Bajau-Suluk di luar bandar khususnya kawasan Sulaman, Usukan, Tempasuk, Bengkoka, Banggi, Sugut, Semawang, Kunak dan Semporna, manakala bagi masyarakat Brunei Kedayan yang menetap di kawasan pantai barat seperti Kuala Penyu, Lumbadang, Klias dan Bongawan. Pihak BERJAYA pula bergantung dengan sokongan daripada masyarakat Dusun di kawasan desa serta Kadazan-Cina di kawasan bandar (Fong Han, 1979: 384). Kawasan yang memberikan sokongan kepada BERJAYA ialah Kawang, Moyog, Bingkor, Tambunan, Kiulu, Inanam, Tamparuli, Kembayan, Kundasang, Langkon, Tandek, Matunggong dan Sook. Selain itu, masyarakat Murut yang menetap di kawasan Kemabong, Pensiangan, Tenom dan Kuamut

turut memberikan sokongan mereka kepada BERJAYA. Salah satu faktor yang mendorong kepada kejayaan BERJAYA pada masa ini ialah janji pembangunan yang efektif di kawasan luar bandar di samping sokongan padu pengundi bandar seperti di Kota Kinabalu, Likas, Elopura, Bandar Sandakan, Karamunting dan Bandar Tawau (Fong Han, 1979: 387). Dinamika politik di negeri Sabah bukanlah perihal asing yang mana pemerintah sering diganti oleh golongan pengundi untuk kemaslahatan mereka, hatta sehingga tahun 1991 usaha membawa masuk UMNO telah dilangsungkan dengan melengkapkan calon semasa pilihan raya kecil Usukan pada 12 Mei 1991. Pada Pilihan Raya Kecil (PRK) ini, calon UMNO memperoleh kemenangan sulung mereka, sekali gus memberi keyakinan untuk terus mengatur strategi menghadapi pilihan raya negeri 1994 dengan slogan ‘Sabah Baru’ yang mana propaganda yang diguna pakai meliputi perihal politik pembangunan seperti program pembangunan luar bandar dan kawasan pedalaman, meningkatkan prasarana sekolah, menubuhkan sebuah universiti dan pembentukan zon perdagangan bebas.

Isu pembangunan kekal relevan untuk dibincangkan sehingga hari ini kerana gaya politik sebegini kekal diamalkan oleh setiap parti politik yang bertanding untuk memenangi sama ada PRU mahupun PRK di Sabah. Sualim dalam kajiannya mendapati bahawa golongan pengundi sering kali menilai semula faedah pembangunan yang diterima oleh mereka hasil janji yang dikemukakan oleh pihak yang bertanding pada pilihan raya sebelumnya sejak PRU 1976 lagi yang mana isu pembangunan sering dijadikan modal politik oleh pihak yang bertanding dalam pilihan raya sama ada di pihak kerajaan ataupun lawannya. Bagi Arnold pula, beliau melihat bahawasanya faktor yang membolehkan BN terus kukuh di Sabah disebabkan oleh sentimen ‘politik pembangunan’ yang menjadi tunjang kempen BN masih relevan dengan situasi masyarakatnya. Zaini *et al.*, melalui kajian berkenaan PRK Batu Sapi mendapati bahawa isu pembangunan terus menjadi pertimbangan utama pilihan politik pengundi di kawasan tersebut yang mana para pengundi kelihatan sudah cukup selesa dengan pemerintahan gaya BN, justeru mereka terus mengekalkan hegemoni politik BN di kawasan pantai timur Sabah tersebut (dipetik daripada Junaidi *et al.*, 2012: 92).

Kawasan lain di Sabah yang pernah dibincangkan berkenaan keperluan pembangunan yang mendesak ialah P.177 Beaufort dan N.26 Kuala Penyu yang mana menjelang PRU-12 yang lalu masih terdapat beberapa masalah infrastruktur belum diselesaikan oleh pihak yang berwajib misalnya rintihan penduduk di Pekan Kuala Penyu yang memerlukan jambatan Palu-Palu serta penambahbaikan jeti di Pekan Kuala Penyu. Kebanyakan penduduk dalam Parlimen Beaufort terdiri daripada nelayan, petani dan penternak secara berkelompok amat memerlukan utiliti asas khususnya jalan raya yang menghubungkan Pekan Beaufort ke Pekan Kuala Penyu sehinggalah Menumbok untuk memasarkan hasil pertanian mereka ke kawasan berkenaan bagi menjana pendapatan mereka. Pada masa tersebut, beberapa kain rentang telah digantung di kawasan tumpuan orang ramai seperti di beberapa gerai, kedai runcit dan jeti menunggu feri di Kampung Palu-Palu. Terdapat banyak kain rentang telah dipasang yang kandungan mesejnya dengan sinis menyindir pihak yang bertanggungjawab agar menunaikan keperluan penduduk setempat dengan harapan aktiviti ekonomi penduduk kian dimajukan (Saat & Syahrudin, 2008: 112– 113).

Dalam membincangkan perkara berkenaan politik pembangunan, usaha pembangunan di kawasan bandar kecil di Sabah juga perlu diberikan perhatian yang sewajarnya lantaran terdapat banyak kawasan bandar kecil di negeri ini. Berlandaskan data daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah Negeri Sabah pada tahun 2010, terdapat 21 buah bandar kecil di negeri Sabah antaranya ialah Kunak, Kota Kinabatangan, Ranau, Kundasang, Beluran, Kota Belud (kawasan kajian penyelidikan), Tuaran, Penampang, Kinarut, Papar, Kudat, Kota Marudu, Sipitang, Tenom, Keningau, Tambunan, Pitas, Nabawan, Kuala Penyu, Semporna dan Beaufort. Dalam konteks negeri Sabah, bandar-bandar kecil merupakan kawasan pusat pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) di daerah-daerah kawasan luar bandar dan juga pusat pertumbuhan daerah yang mempunyai bilangan penduduk antara 1,000 hingga 9,999 orang. Antara cabaran yang dikesan untuk membangunkan kawasan bandar kecil ialah daripada aspek fizikal berlakunya masalah perancangan bandar yang kurang tersusun hingga menyebabkan guna tanah di kawasan ini semakin sukar. Sebagai contoh, bandar kecil Kota Belud dan Tuaran telah mengalami kesesakan akibat daripada tepu bina bangunan kedai sehinggakan bandar kecil sukar berkembang akibat daripada keluasan kawasan bandar tersebut yang semakin terhad (Syivero & Ubong, 2016: 71–74).

Meski yang demikian, terdapat juga bandar kecil yang sukar dibangunkan lantaran daripada perletakannya di kawasan yang bergunungan seperti kawasan Ranau yang terletak di kawasan Banjaran Crocker. Hal ini menyebabkan PBT perlu mengenal pasti kawasan selamat sahaja yang boleh dibangunkan untuk mengelakkan masalah tanah runtuh. Selain itu, bentuk muka bumi dan lokasi perletakan sesebuah bandar kecil di kawasan berdekatan sungai menyebabkan risiko banjir seperti yang dialami di Beaufort apabila musim tengkujuh. Jika ditelusuri dari aspek ekonomi pula mendapati bahawa usaha untuk mendapatkan pekerjaan di kawasan bandar kecil sering menemui jalan buntu khususnya kawasan yang bergantung kepada sektor pertanian seperti di Kota Belud yang merupakan kawasan penanaman padi terbesar di Sabah. Walau bagaimanapun, tidaklah bermakna sektor pertanian tidak dibangunkan sebaiknya kerana pertanian berasaskan penanaman kelapa sawit memberi ruang pekerjaan menerusi penubuhan kilang pemprosesan minyak sawit mentah seperti yang terdapat di Kota Marudu, Lahad Datu, Sipitang, Beluran dan Kinabatangan. Namun, pertumbuhan penduduk menyebabkan ruang pekerjaan masih terhad sehingga menyebabkan pergantungan dengan bandar besar masih berlaku khususnya di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau serta jumlah penduduk Sabah yang perlu berhijrah ke Semenanjung Malaysia khususnya di negeri Selangor masih tinggi (Syivero & Ubong, 2016: 71–74).

Salah satu sebab mengapa isu politik pembangunan perlu diberikan perhatian yang serius oleh semua pihak adalah untuk memastikan jurang ekonomi antara kaum dapat dirapatkan dari semasa ke semasa khususnya di Malaysia. Isu ini terbahagi kepada dua, iaitu jurang ekonomi antara kaum yang berbeza dan jurang ekonomi dalam kaum itu sendiri. Oleh kerana struktur sosio-ekonomi-politik negara ini yang menyaksikan kaum majoriti (bumiputera) sebagai kaum termiskin berbanding kaum minoriti (Cina) yang merupakan kelompok terkaya, maka isu pengagihan kekayaan dalam negara berdasarkan kaum kekal menjadi perkara sensitif untuk dibincangkan. Malaysia selaku negara majmuk yang mempunyai pelbagai bangsa dan agama dengan komposisi 67.7 peratus bumiputera, 24.1 peratus Cina, 7.2 peratus India dan kaum-kaum lain sebanyak 1 peratus berdasarkan bancian tahun 2012 telah mewarisi jurang ekonomi yang luas sejak zaman penjajahan British lagi. Meskipun tahun 1990 iaitu pada tahun berakhirnya Dasar Ekonomi

Baru (DEB) yang dimulakan pada tahun 1971 memperlihatkan bahawasanya kadar kemiskinan berkurangan dengan mendadak dan jurang pendapatan antara kaum dan bandar/luar bandar telah berjaya dikurangkan serta penglibatan golongan bumiputera dalam sektor perniagaan juga meningkat (Muhammed, 2017: 18–19), hal ini tidak menggambarkan bahawasanya keseluruhan masalah ini telah berjaya diselesaikan. Sebaliknya masih wujud masalah jurang pendapatan misalnya sehingga tahun 2014, kaum bumiputera terutamanya bumiputera bukan Melayu masih kekal sebagai golongan majoriti dalam kategori pendapatan isi rumah 40 peratus terbawah walaupun kadar kemiskinan negara hanya 0.6 peratus pada tahun tersebut dan kadar kemiskinan kaum bumiputera, Cina dan India kurang dari 1 peratus, kadar kemiskinan bagi orang Asli masih tinggi; iaitu 34 peratus, kadar kemiskinan untuk bukan Melayu bumiputera juga tinggi; kadar kemiskinan dalam kalangan bumiputera di Sabah sekitar 20 peratus dan bumiputera Sarawak adalah 7 peratus (Muhammed, 2017: 33).

## **ISU MENJELANG PRU-14 DI KOTA BELUD**

Bahagian ini akan menghuraikan isu-isu yang sering menjadi perbualan golongan pengundi di Parlimen Kota Belud sebelum berlangsungnya PRU-14. Isu yang dibincangkan dibahagikan kepada konteks makro, yakni isu peringkat nasional yang memberi kesan kepada corak kehidupan seharian masyarakat dalam Parlimen Kota Belud, manakala isu mikro ialah isu setempat yang berlaku dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Sabah (DUN) yang ada di Kota Belud. Aspek yang difokuskan adalah aspek pembangunan dan kos sara hidup.

## **ISU PERJANJIAN MALAYSIA 1963 (MA63)**

Tinjauan mengikut konteks makro, isu dominan yang sering menjadi perbincangan anggota masyarakat di Kota Belud adalah Isu Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Berdasarkan beberapa temu bual yang dijalankan, ahli kumpulan berfokus (FGD) menyuarakan bahawasanya isu ini sebenarnya bermusim khususnya menjelang pilihan raya dan pihak yang akan membangkitkan hal ini pastinya mempunyai kaitan dengan parti politik yang disertainya. Meskipun bermusim, ia sentiasa relevan jika dikaitkan dengan isu



pembangunan dan hal ini akan diberi perhatian oleh politikus yang berhajat untuk bertanding di kawasan ini atas nasihat jentera parti mereka sendiri yang merupakan masyarakat tempatan. Antara perkara yang disuarakan ialah hak negeri Sabah banyak dikesampingkan oleh pihak kerajaan pusat yang mana apa yang diperoleh oleh negeri Sabah pada ketika ini tidak selari dengan MA63, khususnya jika diimbas dari segi peruntukan di setiap daerah yang ada di negeri Sabah. Mereka mendakwa peruntukan yang lebih banyak wajar diberikan kepada negeri Sabah lantaran daripada keadaan muka buminya yang luas serta keadaannya pada hari ini dilihat sedikit ketinggalan, khususnya dalam pembangunan fizikal berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Pemerhatian pengkaji mendapati masyarakat tempatan mentafsir MA63 sebagai ‘hak Sabah’ yang mesti dituntut sebaiknya (Kajian lapangan, 2018).

Secara tidak langsung perkara berkenaan royalti minyak turut dibincangkan oleh mereka agar pihak pemerintah dari negeri ini sewajarnya menuntut jumlah royalti minyak yang lebih tinggi bagi tujuan merapatkan jurang pembangunan antara Sabah dan Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, timbul kekusaran juga dalam kalangan ahli FGD tentang sejauh mana pemerintah dalam negeri Sabah sendiri telus untuk melaksanakan pembangunan yang menyeluruh di negeri Sabah. Anggota FGD menyifatkan bahawa tuntutan royalti akan kekal dilaungkan oleh ahli politik di Sabah tidak kira daripada pihak kerajaan apatah lagi pembangkang, maka dalam usaha menuntut royalti yang lebih tinggi, usaha untuk mewujudkan pembangunan seimbang di negeri Sabah mesti diteruskan. Bagi anggota FGD yang pro kepada pihak kerajaan, mereka menyatakan bahawa MA63 memang menjadi tumpuan kerajaan, tambahan pula keadaan hubungan baik antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat pastinya menyebabkan rundingan akan dilakukan dari semasa ke semasa agar perkara yang termaktub dalam MA63 berupaya dilaksanakan (lihat juga *Utusan*, 19 Januari 2018). Hal ini berbeza apabila ditanyakan kepada golongan pro pembangkang pula mendakwa parti yang disokong mereka sewajarnya diberi peluang untuk memerintah serta diyakini akan lebih agresif dalam menuntut perkara berkenaan ‘hak Sabah’ kerana hal itu berupaya meningkatkan sokongan pengundi. Meskipun memilih haluan berbeza dalam lapangan politik, kedua-dua pihak menyatakan usaha pembangunan wajar digiatkan khususnya perkara berkenaan infrastruktur

asas seperti jalan raya, kemudahan elektrik serta bekalan air bersih yang konsisten (kajian lapangan).

**Jadual 8** Kriteria parti politik yang dipilih

Kriteria	1	2	3	4	5
Memperjuangkan isu Kemanusiaan	332	150	101	141	276
Mempertahankan agama dan bangsa					
Manifesto menjana pembangunan	168	235	265	120	212
Menjaga perpaduan kaum	62	188	247	227	276
Calon berkaliber, bersih dan berpendidikan	69	90	158	122	561
Menunaikan janji	89	62	74	210	565
Memperjuangkan isu alam Sekitar	-	6	8	14	972

N=1000

Sumber Kajian lapangan (2017–2018)

Untuk mengaitkan perihal MA63 diberikan perhatian oleh golongan pengundi agar mendapat pembangunan yang lebih baik, soalan berkenaan kriteria parti politik yang dipilih diajukan dan dapatan kajian mendapati bahawa dua kriteria utama yang mereka pentingkan untuk mengundi sesebuah parti politik ialah memperjuangkan isu kemanusiaan (1) serta berupaya menunaikan manifesto yang menjana kepada pembangunan (2) berbanding enam pilihan yang telah disediakan. Bagi bahagian memperjuangkan isu kemanusiaan, seramai 332 responden meletakkannya sebagai pilihan nombor 1, diikuti 150 responden meletakkan di pilihan kedua. 101 responden di pilihan ketiga, 141 responden meletakkan di pilihan keempat dan 276 responden meletakkan di pilihan kelima. Bahagian manifesto yang menjana pembangunan pula memperlihatkan seramai 168 responden meletakkan hal ini sebagai pilihan pertama, diikuti 235 responden di pilihan kedua, 265 responden (3), 120 responden (4) dan 276 responden (5).

Pemahaman responden berkenaan memperjuangkan isu kemanusiaan ialah mereka mahukan sebuah kerajaan yang cakna terhadap masyarakat berpendapatan rendah. Harapan besar mereka kepada kerajaan yang memerintah ialah harga barangan untuk kegunaan harian dapat dikawal sebaiknya kerana pada masa ini, kos sara hidup dirasakan lebih tinggi secara mendadak, manakala pendapatan isi rumah pula tidak meningkat seperti mana

belanja sara hidup. Selain itu, mereka berharap bantuan sedia ada khususnya subsidi baja serta diesel kepada golongan petani dan nelayan tidak ditarik balik kerana perkara tersebut membantu mereka untuk menjalani kehidupan seharian (temu bual dengan komuniti nelayan di Kampung Kuala Abai). Hal ini selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Siti Daud pada bahagian pengenalan, kelihatannya penggantungan masyarakat Malaysia khususnya bahagian luar bandar terhadap pemerintah masih tinggi menerusi temu bual yang telah dijalankan sepanjang proses mendapatkan data bagi kajian ini (Siti Daud, 2008: 63).

## **PEMBANGUNAN LUAR BANDAR YANG TERPINGGIR**

Bagi anggota masyarakat yang menetap di kawasan desa misalnya Kampung Mandap, majoritinya terdiri daripada golongan petani, penternak serta melakukan kerja sendiri yang tidak menjamin pendapatan yang tetap, kehidupan di desa menjadikan sumber bekalan makanan berupaya diperolehi dengan mudah. Bagi menjimatkan kos, segelintir daripada mereka belajar bagaimana untuk melakukan kerja pertukangan secara sendiri agar upah buruh kontrak dapat dijamin. Meskipun kehidupan mereka kelihatan sejahtera dibelai kenyamanan bayu desa, desakan terhadap pembangunan kekal dilaungkan agar generasi mendatang memperoleh manfaat yang besar khususnya dalam aspek pendidikan serta ruang pekerjaan bagi generasi muda di kawasan luar bandar. Bagi generasi X, mereka sememangnya lebih rela terus menetap di desa. Walau bagaimanapun, keadaan sedemikian mungkin tidak menyebelahi generasi Y pada hari ini (*The Star*, 4 April 2018).

Sektor pertanian terbesar yang disertai oleh penduduk Kota Belud ialah tanaman padi yang dianggarkan seramai 9,250 orang petani telah mengusahakan tanaman padi seluas 25,000 ekar dengan hasil tuaian bernilai RM 37.5 juta semusim. Jika mereka berupaya untuk menanam dua kali setahun, pastinya pendapatan mereka akan meningkat. Sehingga tahun 2015, sekitar RM 42.9 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri Sabah dalam usaha meningkatkan hasil tanaman padi di negeri ini khasnya untuk proses pembangunan serta menaik taraf infrastruktur pengairan dan saluran kawasan penanaman padi di Kota Belud sejak 2010, bantuan seumpama ini dikeluarkan agar penggantungan dengan beras import

dapat dikurangkan, sekali gus mencapai penanaman padi sebanyak dua kali dengan anggaran pengeluaran sebanyak 55,080 tan setahun (*Utusan*, 29 September 2015).

Sebenarnya, bukanlah bantuan kewangan semata-mata dihulurkan, bantuan seumpama penyelidikan dan pembangunan (R&D) turut diberikan oleh pihak berkuasa sebagai langkah menggalakkan golongan belia menceburi bidang pertanian, sekali gus membuka ruang pekerjaan kepada mereka. Seperti yang dinyatakan oleh bekas Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Musbah Haji Jamli, kebimbangannya dengan generasi mendatang yang lebih gemar berhijrah ke bandar besar berbanding terlibat dengan industri pertanian perlu diberi perhatian sewajarnya justeru langkah yang diambil ialah membawa masuk beberapa jentera menuai berteknologi baharu dari Jepun yang berupaya mengetam padi seluas 20 ekar dalam masa satu jam untuk menjimatkan masa di samping menambah pendapatan golongan petani (*Utusan Borneo*, 25 November 2016).

Selain aktiviti pertanian, sektor ekonomi berasaskan penternakan turut diusahakan dalam daerah ini. Ternakan komersial utama yang sering diusahakan ialah penternakan lembu daging dan wujud usaha menternak lembu susu dalam kalangan penduduk tempatan meski yang demikian sehingga kini ia masih dalam peringkat percubaan (*Utusan Malaysia*, 3 April 2018). Kekangan yang sering dihadapi oleh golongan penternak ialah mereka kurang mendapat latihan secukupnya lantaran kekangan kakitangan daripada pihak veterinar. Di samping itu, terdapat juga golongan penternak tidak berupaya mendisiplinkan diri mereka mengawal haiwan ternakan milik mereka sehingga timbul isu lembu berkeliaran di kawasan rizab jalan. Selain itu, golongan penternak juga tidak merujuk kepada Jabatan Veterinar hingga rata-rata penternak tidak mendapat manfaat seperti menempatkan haiwan ternakan mereka di padang ragut yang disediakan di Kampung Pintasan, Tengkurus, Lingkodon dan Pantai Emas (*Utusan*, 3 April 2018).

Sektor ekonomi lain yang menarik untuk dikupas adalah berkenaan aspek pelancongan kerana daerah ini telah pun mempunyai beberapa lokasi pelancongan seperti Pulau Mantanani yang terletak di barat laut daerah ini. Untuk ke pulau Ini, pengunjung perlu menaiki bot yang mengambil masa

selama sejam dari Jeti Kuala Rampaian mahupun alternatif lain yang ada ialah dengan menaiki bot dari Jeti Pangkalan Abai. Selain mengunjungi kawasan pulau, semakin banyak kawasan pelancongan cuba dinaiktarafkan selaku kawasan ekopelancongan, sama ada menerusi usaha persendirian, kolektif mahupun dimajukan oleh pihak yang mempunyai autoriti khususnya Pejabat Daerah Kota Belud. Antara kawasan ekopelancongan yang cuba dibangunkan ialah pusat pelancongan Air Terjun Kampung Sayap yang terletak kira-kira 32 kilometer dari Pekan Kota Belud dengan reka bentuk muka bumi semula jadinya dianggarkan setinggi 15.25 meter (*Utusan*, 9 Mac 2018).

Bagi pusat pelancongan eko tagal Kampung Talungan pula, kawasan ini dimajukan secara kolektif oleh penduduknya kerana melihat bahawa keindahan sungai di kawasan terbabit berupaya untuk dibangunkan serta dikongsi bersama golongan masyarakat. Selain daripada membangunkan industri pelancongan eko, mereka juga dapat mengeratkan silaturahim di samping sebagai alternatif bagi meningkatkan sumber kewangan Jawatankuasa Kampung Talungan untuk menganjurkan pelbagai aktiviti lain lagi. Menurut seorang pengusaha pelancongan, beliau menyatakan banyak tempat menarik boleh diterokai di kawasan sekitar Kota Belud lantaran keadaan muka bumi daerah ini yang terletak berhampiran dengan Banjaran Crocker, tambahan pula kaedah pengiklanan menerusi media sosial menyebabkan liputan meluas dengan kos yang lebih murah berupaya untuk diperoleh. Beliau sendiri pada masa ini memberikan fokus membawa pelancong melakukan aktiviti mendaki bukit di sekitar Kota Belud seperti Bukit Bagong, Bukit Garas di Kampung Terintidon dan kawasan laluan baharu yang dikenali sebagai *Kota Belud Trail* yang terletak di kawasan berhampiran Kundasang (temu bual bersama Zulkifli, 18 Februari 2018).

Aktiviti pelancongan di Kota Belud tidak semata-mata terangkum di kawasan pulau serta aktiviti semata-mata malahan keindahan sungai yang ada di kawasan desa dimanfaatkan sepenuhnya oleh komunitinya dengan melaksanakan rancangan ekopelancongan seperti yang terdapat di Kampung Talungan, Lingkubang, Togudon dan beberapa kawasan lain yang terletak dalam DUN Kadamaian. Kawasan lain yang terdapat berhampiran Kampung Talungan ialah Air Terjun Sayap setinggi 15.24 meter, manakala bagi Kampung Lingkubang pula lokasinya terletak 28 kilometer dari Pekan Kota

Belud melalui Jalan Pintasan Ranau-Kota Belud. Kawasan eko pelancongan eko ini dibangunkan secara bersama oleh Koperasi Pelancongan Tagal Kampung Lingkubang bagi memacu pertumbuhan ekonomi kampung berkenaan. Keluasan kawasan ini dianggarkan kira-kira 0.8 hektar dengan beberapa kemudahan disediakan termasuk lapan pondok rehat dengan ciri tradisional yang beratapkan nipah, manakala lantainya dibina daripada bambu, selain kemudahan pelampung untuk disewa. Bagi terus menarik minat pengunjung ke kawasan ini, beberapa aktiviti masih dirancang seperti menambah jumlah rumah ala inap desa selain pelaksanaan aktiviti berkayak dari Sungai Lingkubang hingga ke Sungai Taginambur (*Berita Harian*, 14 Jun 2015).

**Jadual 9** Kepuasan hati pengundi terhadap perkhidmatan ahli parlimen

<b>Berpuas Hati</b>	428
<b>Tidak Berpuas Hati</b>	572

N=1000

Sumber Kajian lapangan, 2017–2018

**Jadual 10** Kepuasan hati pengundi terhadap perkhidmatan ADUN

<b>Berpuas Hati</b>	382
<b>Tidak Berpuas Hati</b>	618

N=1000

Sumber Kajian lapangan (2017–2018)

Bersandarkan laporan akhbar yang dipetik oleh penyelidik menunjukkan banyak peruntukan pembangunan telah dibelanjakan untuk pembangunan fizikal di Kota Belud. Namun, keputusan soal selidik mendapati kepuasan hati pengundi terhadap Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) masih tidak memuaskan. Pada bahagian kepuasan hati pengundi terhadap perkhidmatan ahli parlimen mendapati seramai 572 orang responden tidak berpuas hati, berbanding 428 responden yang berpuas hati. Bahagian kepuasan hati pengundi terhadap perkhidmatan ADUN pula mendapati 618 responden tidak berpuas hati, berbanding 382 responden yang berpuas hati. Temu bual yang dilangsungkan ketika sesi edaran borang soal selidik mendapati bahawa ketidakpuasan hati responden lebih cenderung kepada janji pembangunan yang tidak ditunaikan. Pertemuan kumpulan penyelidik bersama beberapa penduduk kampung di Kampung Nahaba menyatakan bahawa kawasan

Kadamaian sering dirasakan terpinggir dari aspek pembangunan asas kerana keadaan jalan raya yang sedia ada tidak ditambah baik. Mereka menyatakan kawasan Kadamaian mempunyai potensi besar untuk dimajukan menerusi aspek pelancongan kerana gerakan pelancongan bersifat komunal boleh diusahakan oleh penduduk kampung namun jika kemudahan asas tidak dilengkapi sebaiknya, maka industri pelancongan di kawasan ini berkembang dengan perlahan. Kawasan yang menjadi sebutan sebagai kawasan tadahan air yang cantik terletak di Kampung Sayap. Namun, akses ke kawasan tersebut adalah sukar hingga memerlukan penggunaan kenderaan pacuan empat roda. Andai keadaan seumpama ini dapat dibaiki, pastinya industri pelancongan akan dapat berkembang dengan lebih baik (temu bual bersama wakil penduduk Kampung Nahaba, 5 April 2017.).

Berbeza keadaannya dengan penduduk di Kampung Pangkalan Abai, isu yang menghantui mereka hingga tidak lagi berpuas hati dengan wakil rakyat ialah isu penyerahan geran tanah yang kian lama tertangguh. Wakil penduduk menyatakan bahawa tanah yang diduduki oleh mereka merupakan tanah rizab Jabatan Veterinar Negeri Sabah, namun telah dihuni selama dua generasi. Justeru, mereka berharap agar geran pemilikan kekal dapat dikeluarkan kepada mereka kerana hal tersebut sentiasa menjadi rundingan antara pihak wakil rakyat dan wakil penduduk (temu bual, wakil penduduk Kampung Kuala Abai, 5 April 2017).

## **PENINGKATAN KOS SARA HIDUP**

Perbincangan tentang peningkatan kos sara hidup merupakan isu nasional yang turut meniti di bibir para pengundi di Kota Belud. Jika diimbaz daripada keratan akhbar di peringkat nasional sejak pasca PRU-13 lagi, pelbagai usaha telah diambil oleh pihak pemerintah untuk menangani peningkatan harga barangan misalnya menerusi akhbar Utusan Malaysia bertarikh 16 September 2013 bertajuk “Kos Sara Hidup Rakyat Jadi Perhatian Kerajaan” melaporkan bahawa pihak kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sentiasa memberikan perhatian serius berhubung isu bebanan hidup rakyat dan antara usaha untuk mengurangkan kos sara hidup, maka Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang berkonsepkan kedai serbaneka dengan menjual semua keperluan asas rumah

dibuka dengan lebih banyak. Di negeri Sabah, terdapat lima KR1M telah beroperasi iaitu di kawasan Parlimen Tawau, Parlimen Tuaran, Parlimen Kota Belud, Parlimen Sepanggar dan Parlimen Putatan, sementara lapan KR1M lagi sedang dalam pelaksanaan dan dijangka beroperasi pada penghujung tahun ini (*Utusan Malaysia*, 16 September 2013).

Meskipun pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak pemerintah namun isu ini masih kekal menghantui pemikiran golongan massa seperti mana yang dilaporkan oleh pihak Astro Awani bertarikh 18 April 2018 bertajuk “Kos Sara Hidup Isu Keempat Paling Dibimbangi Rakyat Malaysia.” Laporan ini menyatakan hasil cerapan panel penyelidik Universiti Malaya (UM) mendapati isu kos sara hidup menduduki tangga keempat dalam *ranking* isu yang paling dibimbangi rakyat Malaysia, selain isu gaji, pekerjaan dan pengangguran yang menduduki tempat pertama. Meskipun hingga tahun 2016 kerajaan telah membelanjakan lebih RM23.5 bilion bagi mengurangkan beban kewangan rakyat melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Kos Sara Hidup (COL), usaha ini kekal menemui jalan buntu. Menurut Laporan Tahunan Program Transformasi Negara (NTP) 2016, bantuan diberikan melalui bantuan segera dan bantuan jangka pendek seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) dan Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia (BKAP1M) (Awani, 18 April 2018 ). Hasil temu bual yang dilakukan oleh pihak penyelidik dengan sekelompok belia yang menyertai beberapa pertubuhan belia menerusi sesi *Focus Group Discussion* (FGD) mendapati bahawa isu peningkatan harga barang sememangnya meresahkan mereka (temu bual bersama Pertubuhan Belia Kreatif Kota Belud, 9 Februari 2018).

Meskipun Kota Belud dilihat sebagai kawasan luar bandar, kedudukannya yang tidak begitu jauh dengan Bandaraya Kota Kinabalu menyebabkan bahangnya turut terasa di kawasan tersebut. Antara rungutan yang disuarakan oleh mereka ialah peluang pekerjaan yang terhad di kawasan Kota Belud menyebabkan mereka sukar memperoleh pendapatan yang baik. Perkara yang paling meresahkan mereka ialah sistem apungan minyak yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan adakalanya menyebabkan harga minyak naik dan turun. Apabila harga minyak naik, harga barangan akan turut naik sama ada secara sedar mahupun tidak, meski yang demikian apabila harga



minyak turun maka harga barangan tidak pula tidak turun (Hargaminyak.com., 3 April 2018.).

Apabila ditanyakan berkenaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), reaksi yang berbeza diberikan oleh mereka sama ada yang menyokong mahupun membantah (Jabatan Penerangan Malaysia, 3 April 2018.). Bagi golongan belia yang menyokong, mereka menyatakan bahawa cukai ini merupakan suatu sistem percukaian yang lebih telus serta berupaya meningkatkan pendapatan kerajaan yang kemudiannya akan disalurkan semula untuk tujuan pembangunan serta bantuan sara hidup yang dilakukan pada masa kini, meski yang demikian mereka tidak menolak bahawa pengenalan GST sememangnya menyebabkan harga barang semakin naik khususnya kepada golongan belia yang berniaga secara kecil-kecilan. Belia yang membantah pengenalan cukai GST mendakwa pihak kerajaan sedia ada semakin terdesak untuk mengenakan cukai terhadap rakyat sehingga sanggup menggunakan sistem cukai yang menekan mereka. Mereka menyatakan bahawa pihak pembangkang berusaha menggunakan isu ini sebaiknya untuk menarik undi golongan masyarakat di Kota Belud dan beberapa siri ceramah yang dijalankan memberi penekanan kepada isu ini (temu bual bersama Pertubuhan Belia Kreatif Kota Belud, 9 Februari 2018).

Mereka turut menyatakan perkara yang menjadi kebimbangan adalah masih ramai belia yang menetap di kawasan Kota Belud merupakan belia kurang berpendidikan. Justeru, mereka berhadapan dengan situasi sulit untuk merubah corak kehidupan mereka. Belia berpendidikan pula cenderung untuk berhijrah ke bandar besar sama ada di Kota Kinabalu mahupun kawasan Lembah Klang dan Johor Bahru di Semenanjung Malaysia. Golongan belia yang berhijrah pula apabila pulang ke kampung turut meluahkan bahawa kos sara hidup mereka adalah tinggi, terutamanya bagi komitmen terhadap sewa rumah, perbelanjaan harian untuk ke tempat kerja serta perbelanjaan bagi keluarga mereka. Hasil perbincangan mendapati bahawa golongan belia di Kota Belud merasai bahawa kos sara hidup semakin meningkat dan parti politik yang berupaya untuk menyentuh tentang perkara ini akan berupaya untuk meraih undi mereka (temu bual bersama Pertubuhan Belia Kreatif Kota Belud, 9 Februari 2018).

## TERJEMAHAN UNDI DARIPADA POLITIK PEMBANGUNAN

Setelah meneliti berkenaan situasi politik pembangunan di Parlimen Kota Belud, persoalan mengenai terjemahan undi mereka wajar untuk dibincangkan lantaran daripada soal selidik yang dikemukakan terhadap responden merangkumi soalan ini.

**Jadual 12** Pihak yang dimahukan memerintah – negara/parlimen

<b>Barisan Nasional</b>	438
<b>Pakatan Harapan/Warisan</b>	554

N=1000

*Sumber* Kajian lapangan (2017–2018)

Bagi peringkat parlimen, seramai 554 orang responden menyatakan mereka berhasrat untuk ‘tukar’ angin kepada pihak lain berbanding dengan ahli parlimen yang memegang tampuk pada masa ini, manakala 438 responden lagi ‘tatap’ mahukan ahli parlimen sedia ada sama ada daripada calon yang sama mahupun parti yang sama. Hasil FGD yang dilakukan semasa proses mengutip data memperlihatkan faktor yang mendorong pengundi untuk beralih angin daripada ahli parlimen sedia ada meliputi isu berkenaan pembangunan kawasan kampung serta isu ahli parlimen mereka yang teguh mempertahankan isu berkenaan kutipan cukai GST, di samping kemunculan parti tempatan yang turut berupaya menggugat hegemoni pemerintah sedia ada dengan memainkan sentimen federalisme yang lebih gigih khususnya perihal MA63 (temu bual jentera Parti Warisan Sabah (Warisan), 9 Febuari 2018).

Berbeza dengan responden yang mahukan ahli parlimen sedia ada dikekalkan sama ada calon mahupun parti itu sendiri. Ketika kajian dijalankan, khabar angin bertiup kencang mendakwa, bahawasanya calon ahli parlimen sedia ada berkemungkinan akan dipindahkan ke Parlimen yang lain lantaran daripada janjinya sendiri yang mahu mentadbir Kota Belud selama dua penggal sahaja. Pihak penyokong mendakwa sebab untuk mengekalkan pilihan mereka kerana yakin Kerajaan Pusat masih berada di tangan BN dan jika hal seumpama itu berlaku, pastinya peruntukan lebih banyak akan diberikan pada masa mendatang. Mereka turut menyatakan usaha terbesar yang dilakukan pihak pemerintah sekarang adalah mewujudkan sebuah

Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), yakni Politeknik Kota Belud direalisasikan menyebabkan pembangunan fizikal akan berkembang seiring seperti yang berlaku di Sepanggar (temu bual bersama jentera Pemuda UMNO Kota Belud, 3 Februari 2018).

**Jadual 13** Pihak yang dimahukan memerintah – Negeri/Dun

<b>Barisan Nasional</b>	437
<b>Pakatan Harapan/Warisan</b>	555

N=1000

*Sumber* Kajian lapangan (2017–2018)

Sekilas diimbis di peringkat DUN pula, seramai 555 responden menyatakan mereka berhasrat menukar Kerajaan Negeri mahupun parti pemerintah berbanding 437 responden yang masih mahukan kerajaan sedia ada kekal menghuni tampuk kuasa. Bersandarkan kepada temu bual dengan responden yang mahu menukar kerajaan, mereka yakin pengaruh parti tempatan yang ada pada ketika ini yang mengutarakan prinsip kepelbagaian kaum akan dapat diterima oleh masyarakat tempatan. Tambahan pula, jika isu berkenaan MA63 terus didoktrinkan dalam kalangan pengundi serta perihal pembangunan terus didedahkan. Idea ini berkesan bagi DUN Kadamaian yang mana dalam kempen mereka, pendedahan tentang kawasan kampung yang masih belum dibangunkan dilakukan dalam sesi ceramah mereka dari semasa ke semasa dan hal ini menarik minat pengundi. Bagi menawan DUN Usukan, sokongan daripada etnik Bajau begitu dititikberatkan dan isu berkenaan pembangunan masih relevan jika disuarakan oleh mereka (temu bual dilangsungkan dengan jentera pilihan raya daripada Parti Warisan Sabah (Warisan), 2 Februari 2018).

Bagi pihak yang menyokong kepimpinan sedia ada pula menyatakan mereka yakin dengan corak pentadbiran kerajaan sedia ada lantaran daripada pengalaman parti tersebut yang telah lama membangunkan negara ini. Selain itu, mereka turut menyatakan parlimen ini dilihat bertuah lantaran daripada dua wakil rakyat dalam parlimen ini diangkat menjadi menteri di peringkat pusat, manakala seorang lagi diangkat menjadi menteri dalam negeri Sabah. Justeru, dengan kombinasi seumpama ini mereka berhasrat untuk mengekalkan pemerintahan kerajaan sedia ada (temu bual dilangsungkan bersama jentera daripada sayap Pemuda UMNO Kota Belud, 3 Februari 2018).

Jika diimbangi dari aspek pemilihan parti politik yang bakal diundi oleh golongan pengundi menunjukkan wujud elemen inginkan perubahan, berbanding pilihan raya yang lalu lantaran daripada keinginan pembangunan yang masih kurang dipenuhi. Bagi sebuah negara yang mengamalkan prinsip demokrasi berpelembagaan, itulah harga yang perlu ditanggung apabila ‘perang demokrasi’ dilangsungkan seperti bisikan lunak yang sering diperdengarkan yakni. “Suara rakyat ialah suara Tuhan, Suara cendekiawan ialah cahaya Tuhan.”

## **KESIMPULAN**

Setelah perbincangan dilangsungkan secara khusus berkenaan politik pembangunan, perkara ini kekal relevan untuk difikir ulang, lantaran daripada masih banyak pembangunan fizikal di kawasan Kota Belud perlu diberikan perhatian. Hal ini selari dengan kempen yang telah dijalankan oleh kesemua parti politik yang mengidamkan kerusi Parlimen dan DUN yang kerap kali menyentuh isu masyarakat tempatan, khususnya perihal pembangunan fizikal. Dapatan kajian penyelidikan mendapati bahawa situasi pengundi di Kota Belud masih samar, sama ada untuk mengekalkan calon dan parti sedia ada mahupun melakukan perubahan tampuk pemerintahan agar dapat diberikan ruang kepada calon dan parti yang baharu agar dapat melakukan perubahan menerusi pemikiran yang lebih segar. Justeru, perihal politik pembangunan kekal dilihat relevan untuk dibincangkan menjelang tibanya hari pengundian bagi PRU-14 ini.

## **PENGHARGAAN**

Ucapan penghargaan diberikan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) kerana kajian ini dibiayai oleh pihak universiti melalui Geran SDK0033–2018.

## **RUJUKAN**

- Asmady Idris & Suzalie Mohamad. (2014). Kelangsungan dominasi Barisan Nasional di Sabah dalam Pilihan Raya Umum Ke-13. *Kajian Malaysia*. 32 (2), 171–206.
- Bank Negara Malaysia. (2012). Siaran Akhbar Bank Negara Malaysia. 23 Mei.
- Berita Awani. (2018). Kos sara hidup isu keempat paling dibimbangi rakyat Malaysia – kajian, 18 April.
- Berita Harian. (2015). Najib tiba di Tawau, teruskan lawatan kerja sehari di Sabah. 10 Mei.
- Berita Harian. (2016). Najib tiba di Kota Kinabalu. 27 Ogos.
- Chaudhry, M. D. (1971). The economic of development. *Economic Development and Culture Change*, 20 (1), 166–169.
- Corning, P. A *et al.* (1988). Political development and political evolution [with Commentries]. *Politics and the Life Science*, 6 (2), 141–172.
- Eko Prayitno Joko *et al.* (2016). Belia dan kelangsungan hegemoni Barisan Nasional: Kajian kes pilihan Raya Umum 13 di Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo: Edisi Khas Konvokesyen ke-18 UMS*, 1–18.
- H. Roeslan Abdulgani. (1976). *Soetomo yang saya kenal*. Jakarta: Yayasan Idayu. <http://www.sabah.gov.my>. Diakses pada 8 Februari 2018. <http://www.utusanborneo.com.my>. Diakses pada 4 April 2018. <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media>. Diakses pada 3 April 2018.
- Jabatan Perangkaan. (2015). *Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2014*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan.
- Lee Kuok Tiung & Mohd Safar Hashim. 2016. Artikulasi isu-isu sejarah dalam media massa di Malaysia. *Jebat*. 43 (1), 1– 18.
- Junaidi Awang Besar *et al.* (2012). Politik pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Ai, Sarawak. *Geografia: Malaysia Journal of Society and Space*, 8 (2), 88–97.
- Junaidi Awang Besar *et al.* (2012). Pengaruh populariti calon, sentimen nasional dan politik pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) P. 185 Batu Sapi Sabah. *Geografia: Malaysia Journal of Society and Space*. 8, 23–34.
- Meier, G. M. & Stiglitz, J. E. (2001). *Frontiers of development economics: The future in perspective*. New York: Oxford University Press.
- Mohammad Faizal Rashid. (2014). Kesejahteraan sosial dalam memartabatkan komuniti Suluk: Ruang dan cabaran. *Jurnal Kinabalu*. 20, 81–102.
- Mohd Hamdan Adnan & Mahat Jamal. (2014). Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-13: Faktor-faktor penentu kemenangan di Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 1, 55–76.
- Mohd Hariszuan Jaharudin. (2014). Pilihan Raya Umum Ke-13: Perubahan budaya politik Malaysia dan krisis legitimasi moral Barisan Nasional. *Kajian Malaysia*, 32 (2), 149–169.

- Muhammed Abdul Khalid. (2017). *Antara dua darjat: Agihan pendapatan di Malaysia*. Bangi: Dubook Press.
- Portal Jabatan Penerangan Malaysia. Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Diakses pada 3 April 2018.
- Rohana Yusof. (2010). *Asas sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saat Awg. Damit & Syaruddin Awg. Ahmad. (2008). Koorientasi pendapat terhadap isu dan reputasi pemimpin dalam kempen Pilihan Raya Umum Ke-12 di Sabah. *Jurnal Kinabalu Edisi Khas. Pilihan Raya Umum Ke-12: Antara Perubahan dan Pengekalan Tradisi*, 14, 56–71.
- Sin Fong Han. (1979). A constitutional coup d'etat: An analysis of the birth and victory of the Berjaya party in Sabah, Malaysia. *Asian Survey*, 19 (4), 379–389.
- Siti Aidah Haji Lokin. (2007). *Perubahan sosioekonomi dan pentadbiran masyarakat peribumi Sabah: 1881–1963*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Sity Daud. (2008). Ekonomi politik perkembangan: Teori struktulis dan kritikan Neoliberal. Dlm. Ghazali Mayuddin (Peny.). *Politik Malaysia: Perspektif Teori dan Praktik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Stephanie, L. (2018). Villagers enjoy quiet life but want development. *The Star*. 4 April.
- Strange, S. (1996). *The retreat of the state*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2018). Daftar Pemilih Terkini Sehingga ST 4/2017: Statistik Kaum (Diwartakan Pada 19 Febuari 2018). Tidak diterbitkan Suzianah Jiffar. (2015). Nyaman, damai mengembara ke Kampung Lingkubang. *Berita Harian*. 14 Jun.
- Syivero Patrick & Ubong Imang. (2016). Pembangunan bandar kecil di Sabah: Isu dan cabaran. *Geografi*, 4 (2), 65–82.
- Temu bual bersama komuniti Nelayan di Kampung Kuala Abai. 24 Februari 2018.
- Temu bual bersama wakil penduduk Kampung Kuala Abai. 5 April 2017.
- Temu bual bersama jentera daripada sayap Pemuda UMNO Kota Belud di Restoran Anjung Senja. 3 Februari 2018.
- Temu bual bersama Pertubuhan Belia Kreatif Kota Belud. 9 Februari 2018.
- Temu bual bersama wakil penduduk Kampung Nahaba. 5 April 2017.
- Temu bual bersama Zulkifli Abdul Rahim. 18 Februari 2018.
- Temu bual dengan jentera pilihan raya daripada Parti Warisan Sabah (Warisan) Kota Belud di Kampung Pengkalan Abaim. 2 Februari 2018.
- Temu bual dengan jentera pilihan raya daripada Parti Warisan Sabah (Warisan) Kampung Nahaba, Kota Belud. 2 Februari 2018.
- Utusan Borneo*. (2016). Padi tanaman terpenting di Sabah. 23 Ogos.
- Utusan Borneo*. (2018). Transformasi pertanian penting bagi negara membangun, kata Musbah. 1 April.

*Utusan Malaysia*. (2009). Keunikan Kota Belud. 1 Mac.

*Utusan Malaysia*. (2010). Kota Belud pengeluar industri pertanian ternakan. 3 Ogos 2015.

*Utusan Malaysia*. (2013). Kos sara hidup rakyat jadi perhatian. 16 September.

*Utusan Malaysia*. (2015). Hisyamuddin Ayub. RM42.9 juta lonjak keluaran padi Sabah. 29 September.

*Utusan Malaysia*. (2012). Jangan jadikan Pekan Kota Belud „padang ragut“ ternakan. 22 November.

Zaini Othman *et al.* (2007). Election and hegemonic politics: A Malaysian case. *JATI*, 12, 161–174.

Zaini Othman *et al.* (2016). Malaysia's 13th General Election: Sabah-Barisan Nasional Fixed-Deposit State? *Southeast Asia Review*, 26 (3), 91–118.

